A **LIM PANG CHEONG**

lwn.

TAN SRI DATO' DR ROZALI ISMAIL & YANG LAIN

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S-22-1108-2007]
2 NOVEMBER 2010

C ***KONTRAK:*** *Gantirugi - Tuntutan - Bayaran upah - Dakwaan pecah kontrak - Sama ada terdapat perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan dengan syarat perjanjian untuk bayaran upah - Sama ada plaintif berhak pada bayaran upah - Sama ada defendan-defendan melanggar perjanjian - Sama ada plaintif berjaya membuktikan kesnya*
D *atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan-defendan*

KETERANGAN: *Keterangan dokumen - Kebolehterimaan - Kandungan Short Message Service (SMS) - Sama ada kandungan SMS yang diperolehi dari telefon bimbit dan P34 termasuk dalam definasi 'komputer' - Akta Keterangan 1950, s. 3 - Sama ada boleh digunakan sebagai*
E *keterangan mengikut peruntukan s. 90A Akta Keterangan 1950 - Sama ada s. 90A(1) Akta Keterangan 1950 terpakai dan dipatuhi*

Plaintif menuntut terhadap defendan-defendan untuk gantirugi kerana pecah kontrak untuk jumlah RM23,413,034.65 sebagai
F upah sepenuhnya yang terhutang oleh defendan-defendan. Upah ini berkaitan dengan projek "Jelutong Sewage Treatment Plant and Central Sludge Facility" ('Projek Jelutong') yang diawardkan oleh Kerajaan Malaysia kepada defendan ketiga. Plaintif menegaskan defendan pertama dan defendan kedua mewakili defendan ketiga
G dan mereka bertanggungjawab kepada plaintif untuk upah yang dipersetujui dan upah yang plaintif patut dapat adalah seperti syarat-syarat dalam perjanjian antara plaintif dengan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) bertarikh 9 November 2001. Plaintif telah melobi projek berkenaan untuk diawardkan pada defendan ketiga.
H Hasilnya Projek Jelutong telah diawardkan pada defendan ketiga pada 23 September 2004 untuk jumlah RM468,260,693. Pembelaan defendan-defendan adalah penafian semata-mata dan menafikan bahawa plaintif berhak kepada jumlah yang dituntut. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada terdapat perjanjian lisan
I antara plaintif dan defendan-defendan dengan syarat perjanjian untuk bayaran upah adalah sama dengan perjanjian antara plaintif dan PNSB yang bertarikh 9 November 2001; (ii) sama ada

keterangan mengenai kandungan Short Message Service ("SMS") tidak boleh digunakan sebagai keterangan sokongan untuk kes plaintif kerana kandungan SMS itu sendiri tidak boleh diterima sebagai keterangan mengikut peruntukan s. 90A Akta Keterangan 1950; (iii) sama ada plaintif berhak pada bayaran upah tersebut; (iv) sama ada defendan-defendan telah melanggar perjanjian.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif):

(1) Selepas defendan ketiga berjaya mendapatkan Projek Jelutong berkenaan hasil bantuan plaintif, plaintif ada meminta bayaran upah dari defendan pertama seperti yang telah dijanjikan. Defendan pertama dan defendan kedua mencadangkan bayaran sebanyak RM12,000,000 di mana plaintif setuju dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM1,500,000. Malangnya apa yang dipersetujui ini tidak dilaksanakan. Cadangan pembayaran yang dibuat oleh defendan pertama dan defendan kedua dan dipersetujui oleh plaintif menunjukkan bahawa defendan pertama dan defendan kedua telah mengakui tentang liabiliti mereka untuk pembayaran upah berkenaan. Tetapi, mengikut keterangan defendan pertama dan defendan kedua, defendan pertama menyatakan bahawa bayaran yang ditawarkan adalah gantirugi untuk penamatan kontrak antara plaintif dengan PNSB. Jelas, keterangan defendan-defendan tentang bayaran gantirugi untuk penamatan perjanjian plaintif dengan PNSB itu telah menyimpang dari pembelaan beliau. Adalah undang-undang matan bahawa tiap-tiap pihak litigan mesti terikat dengan pliding yang difailkan. Memandangkan keadaan itu, pembelaan defendan-defendan hanyalah penafian semata-mata dan tidak dapat diterima mahkamah. (perenggan 19, 20, 22 & 24)

(2) Menyokong keterangan plaintif tentang adanya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan adalah keterangan mengenai SMS dari telefon bimbit defendan pertama, defendan kedua dengan plaintif. Meneliti keterangan SP5, Security Manager Maxis yang mempunyai kawalan ke atas rekod-rekod di Syarikat Maxis, SP5 sahkan sms ada dihantar dari telefon defendan pertama dan defendan kedua kepada plaintif. Keterangan SP3 pula mengesahkan yang beliau operate dan mendapat akses pada telefon bimbit plaintif Semua kandungan sms telah SP3 sahkan seperti di dalam P34. Memandangkan keterangan dalam kandungan P34 tidak disoalbalas oleh defendan-defendan maka kewujudan

mengenai keterangan fakta di atas diakui oleh defendan-defendan. Dari sms berkenaan, terdapat hubungan dan perbincangan antara plaintif dengan defendan pertama dan defendan kedua mengenai bayaran upah untuk Projek Jelutong. (perenggan 25, 31, 33, 34 & 37)

(2b) Telefon-telefon bimbit di mana kandungan sms diperolehi seperti di dalam ikatan dokumen bertanda D dan kandungan sms dalam P34 di dalam kes ini termasuk di dalam definasi "computer" di atas dan s. 90A adalah terpakai. Semua mereka (iaitu SP1, SP2, SP3 dan SP5) yang mempunyai akses pada telefon dan semua sms telah dipanggil untuk memberi keterangan. Mereka memberi keterangan secara langsung mengenai semua kandungan sms berkenaan. Dalam keadaan ini dengan alasan-alasan di atas, peruntukan s. 90A(1) adalah terpakai dan telah dipatuhi. (perenggan 57)

(3) Terdapat keterangan yang kredible untuk menyokong keterangan plaintif. Mahkamah ini lebih cenderung untuk menerima versi plaintif berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan. Terdapatnya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan pertama dan defendan kedua untuk memperolehi Projek Jelutong untuk defendan ketiga dengan syarat bayaran upah seperti perjanjian antara plaintif dan PNSB. Perjanjian tersebut dibuat bagi pihak defendan ketiga. Terma-terma perjanjian untuk bayaran upah plaintif adalah seperti perjanjian bertarikh 9 November 2001. (perenggan 53-54, 60 & 62)

(4) Defendan-defendan gagal membuat bayaran upah pada plaintif seperti yang dipersetujui. Defendan-defendan telah melanggar perjanjian tersebut kerana gagal membayar upah pada plaintif. Atas kegagalan itu, defendan-defendan telah pecah kontrak beliau dengan plaintif. Defendan pertama dan defendan kedua serta defendan ketiga secara bersama dan berasingan bertanggungjawab untuk gantirugi pecah kontrak terhadap plaintif. Defendan-defendan telah melanggar perjanjian lisan berkenaan maka plaintif berhak kepada gantirugi daripada defendan-defendan yang berbentuk bayaran upah sebanyak RM23,413,034.65. Plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan-defendan. (perenggan 63 & 64)

Kes-kes yang dirujuk:

Development & Commercial Bank Bhd v. Abdullah Ismail & Anor [1989] 1 CLJ 190; [1989] 1 CLJ (Rep) 467 HC ***(dirujuk)***

Jupiter Securities Sdn Bhd lwn. Amal @ Nur Amal Abdul Manaf [2001] 1 LNS 294 HC ***(dirujuk)***

Mathavan Shunmugam v. Woo Bee Leng [1995] 2 CLJ 957 HC ***(dirujuk)***

Rosita Baharom & Anor v. Sabedin Salleh [1993] 2 CLJ 300 SC ***(dirujuk)***

MGI Securities Sdn Bhd v. Teong Teck Leng & Ors [2000] 5 CLJ 163 HC ***(dirujuk)***

Saw Seng Kee v. Nadzri & Ng Securities Sdn Bhd [1997] 2 CLJ 425 CA ***(dirujuk)***

Standard Chartered Bank v. Mukah Singh [1996] 1 LNS 59 HC ***(dirujuk)***

Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co [1979] 1 LNS 119 FC ***(dibezakan)***

Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Yap Nyo Nyok v. Bath Pharmacy Sdn Bhd [1993] 3 CLJ 188 HC ***(dirujuk)***

Yong Nyee Fan & Sons Sdn Bhd v. Kim Guan & Co Sdn Bhd [1978] 1 LNS 244 FC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, ss. 3, 90A(1)(2), 101

Bagi pihak plaintif - Dato' Vijay Kumar (David Matthews bersamanya); T/n Kumar Jaspal Quah & Aishah

Bagi pihak defendan - Lau Mark Chi-Ming (Gopal Sreenevasan & Fadzilah Pilus bersamanya); T/n Sreenevasan Young

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Rosilah Yop PK:

Ringkasan Fakta Kes

[1] Plaintif menuntut terhadap defendan-defendan untuk gantirugi kerana pecah kontrak untuk jumlah RM23,413,034.65 sebagai upah sepenuhnya yang terhutang oleh defendan-defendan. Upah ini berkaitan dengan projek "Jelutong Sewage Treatment Plant and Central Sludge Facility" (Projek Jelutong) yang diawardkan oleh Kerajaan Malaysia kepada defendan ketiga.

[2] Plaintif menegaskan defendan pertama dan defendan kedua mewakili defendan ketiga dan juga mereka adalah bertanggungjawab kepada plaintif untuk upah yang dipersetujui jika

Projek Jelutong diperolehi oleh defendan ketiga. Mereka telah meminta bantuan plaintif untuk mendapatkan Projek Jelutong berkenaan dan upah yang plaintif patut dapat adalah seperti syarat-syarat dalam perjanjian antara plaintif dengan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) bertarikh 9 November 2001.

[3] Plaintif telah melobi projek berkenaan untuk diawardkan pada defendan ketiga. Hasilnya Projek Jelutong telah diawardkan pada defendan ketiga pada 23 September 2004 untuk jumlah RM468,260,693.

[4] Pembelaan defendan-defendan adalah penafian semata-mata kecuali sekiranya mahkamah dapati terdapatnya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan dan defendan-defendan mendakwa yang plaintif telah gagal melaksanakan obligasi-obligasinya menurut perjanjian lisan yang dikatakan itu. Defendan-defendan menafikan bahawa plaintif berhak kepada jumlah yang dituntut.

[5] Isu-Isu

i. Samada terdapat perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan dengan syarat perjanjian untuk bayaran upah adalah sama dengan perjanjian antara plaintif dan PNSB yang bertarikh 9 November 2001;

ii. Samada plaintif berhak pada bayaran upah sebanyak RM23,413,034.65.

[6] Pihak plaintif melalui SP2 dan SP3, SP4 dan SP5 manakala defendan-defendan melalui beliau sendiri, SD2 dan SD3 telah memberi keterangan. Saya telah membaca keterangan kedua-dua kes plaintif dan defendan secara terperinci. Kedua-dua pihak telah kemukakan keterangan untuk menyokong kes masing-masing seperti yang dinyatakan di dalam pliding.

[7] Keterangan kes plaintif adalah bahawa plaintif mempunyai hubungan dengan personaliti dan pihak berkuasa kerajaan. Perjanjian PNSB telah ditandatangani pada 9 November 2001. Mengikut Recital B, PNSB bahawa yang plaintif akan membantu untuk mendapatkan kontrak kerajaan berkaitan dengan projek air.

[8] Mengikut perjanjian ini, remuneration atau upah yang plaintif berhak atas "success basis" ialah 5% atas nilai projek dan bayaran dibuat mengikut jadual.

[9] Semasa perjanjian ini masih berkuatkuasa pada penghujung tahun 2002, defendan pertama telah meminta bantuan plaintif untuk meneruskan dan mempercepatkan lobian Projek Jelutong agar berjalan lancar. Dalam usaha plaintif melobi itu, plaintif dapati yang Projek Jelutong itu bukan di bawah PNSB tapi sebaliknya bawah defendan ketiga. Maka dengan itu Projek Jelutong tidak termasuk bawah perjanjian bertarikh 9 November 2001. Plaintif menyatakan kebimbangan beliau pada defendan Pertama.

[10] Walau bagaimanapun plaintif telah diyakinkan dan disahkan oleh defendan pertama yang plaintif perlu membantu mereka untuk mendapatkan projek berkenaan bagi defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga.

[11] Berikutan dengan kebimbangan itu, plaintif dan defendan kedua kemudiannya telah bertemu di Hotel Eastin. Defendan kedua sahkan pertemuan dengan plaintif untuk plaintif dapatkan Projek Jelutong untuk defendan-defendan. Plaintif terus melobi untuk dapatkan projek berkenaan. Plaintif ada temui SP4 untuk melobi projek ini. Disahkan oleh SP4 yang plaintif ada temui beliau untuk melobi projek berkenaan. Plaintif pun terus melobikan projek berkenaan.

[12] Dari keterangan plaintif adalah dipersetujui antara plaintif dan defendan pertama dan defendan kedua bahawa bayaran upah untuk plaintif sekiranya beliau berjaya mendapatkan Projek Jelutong untuk defendan-defendan adalah sama dengan perjanjian antara plaintif dan PNSB yang bertarikh 9 November 2001.

[13] Syarat-syarat bayaran upah yang dipersetujui tersebut ialah:

i. 5% dari upah sepenuhnya akan dibayar setelah menerima dan mengakui "letter of award" dari pihak berkenaan oleh defendan ketiga;

ii. 25% dari upah sepenuhnya akan dibayar setelah menandatangani kontrak rasmi antara defendan ketiga dan pihak berkuasa selaras dengan "letter of award" tersebut;

iii. Baki 70% upah sepenuhnya akan dibayar dalam lima ansuran yang sama dalam tempoh duabelas bulan dari tandatangani kontrak resmi antara defendan ketiga dan pihak berkuasa.

[14] Defendan-defendan telah menamatkan perjanjian antara plaintif dengan PNSB melalui surat bertarikh 5 February 2004. Walaupun selepas surat penamatan perjanjian diberikan pada plaintif, plaintif masih berada di premis defendan-defendan melebihi dari satu bulan untuk plaintif terus menguruskan Projek Jelutong ini. Plaintif diberi notis penamatan dengan kesan serta-merta dan bukan dalam tempoh tertentu. Defendan-defendan menyatakan plaintif dibenarkan tinggal kerana ingin mengemas barang-barangnya. Ikut keterangan plaintif beliau datang ke pejabat Defendan-defendan dengan tiada apa-apa barangan. Semuanya disediakan oleh plaintif untuk beliau termasuk kakitangan. Beliau masih berada di pejabat defendan selepas sebulan kontrak beliau ditamatkan untuk terus melobi Projek Jelutong untuk Defendan-defendan.

[15] Melalui surat bertarikh 1 April 2004, skop kerja dan harga akhir Projek Jelutong sebanyak RM468,260,693 telah dipersetujui antara kerajaan Malaysia dengan defendan ketiga. Di dalam pembelaan defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga, mereka menafikan semua ini. Penafian yang dipli dalam pembelaan adalah penafian semata-mata.

[16] Pembelaan secara penafian semata-semata ini tidak dapat menyangkal keterangan plaintif yang defendan-defendan telah bersetuju tentang skop kerja dan bayaran akhir sebanyak RM468,260,693.00 antara defendan ketiga dan Kerajaan Malaysia.

[17] Pada 23 September 2004, defendan ketiga telah berjaya memperolehi Projek Jelutong dari Kerajaan Malaysia dengan kontrak berjumlah RM468,260,693.

[18] Selepas defendan ketiga berjaya mendapatkan Projek Jelutong berkenaan hasil bantuan plaintif, plaintif ada meminta bayaran upah dari defendan pertama seperti yang telah dijanjikan. Defendan pertama berjanji akan membayar pada plaintif bila kerajaan membuat bayaran "progress" pada defendan pertama. Ini tidak dipersetujui oleh plaintif kerana ikut apa yang dipersetujui sebelum ini bayaran adalah pada masa yang ditetapkan.

[19] Kemudiannya defendan pertama dan defendan kedua mencadangkan bayaran sebanyak RM12,000,000 di mana plaintif setuju dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM1,500,000. Malangnya apa yang dipersetujui ini tidak dilaksanakan. Cadangan pembayaran yang dibuat oleh defendan pertama dan defendan kedua dan dipersetujui oleh plaintif ini saya putuskan yang

defendan pertama dan defendan kedua telah mengakui tentang liabiliti mereka untuk pembayaran upah berkenaan kerana plaintif telah berjaya melobikan Projek Jelutong sehingga diawardkan kepada defendan ketiga.

[20] Mengikut keterangan defendan pertama (SD1) dan SD2 bahawa SD1 ada membuat cadangan kepada PNSB untuk membayar plaintif sebanyak RM1.5 juta sebagai bayaran saguhati. Walau bagaimanapun defendan pertama perlu membuat cadangan pada PNSB dahulu sebelum membuat bayaran. Defendan pertama nyatakan bahawa bayaran yang ditawarkan ini adalah gantirugi untuk penamatan kontrak antara plaintif dengan PNSB dan bukan untuk cadangan bayaran upah bagi kontrak lisan bagi plaintif melobi Projek Jelutong untuk defendan-defendan. Walau bagaimanapun tiada apa-apa bayaran dibuat oleh defendan-defendan.

[21] Pembelaan defendan hanyalah penafian semata-mata untuk perenggan 4 sehingga 14 penyata pembelaan terpinda defendan-defendan dan secara alternatif sekiranya mahkamah dapati wujudnya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan. Defendan-defendan menegaskan yang plaintif gagal melaksanakan obligasi beliau menurut perjanjian lisan tersebut.

[22] Tidak dibuktikan oleh defendan-defendan apakah obligasi-obligasi yang dimaksudkan itu untuk dilaksanakan oleh plaintif. Daripada keterangan yang dikemukakan tidak ada keterangan yang plaintif gagal melaksanakan obligasi beliau menurut perjanjian lisan tersebut.

[23] Jelas, keterangan defendan-defendan tentang bayaran gantirugi untuk penamatan perjanjian plaintif dengan PNSB itu telah menyimpang dari pembelaan beliau. Adalah undang-undang matan bahawa tiap-tiap pihak litigan mesti terikat dengan pliding yang difailkan. (*Development & Commercial Bank Bhd v. Abdullah Ismail & Anor* [1989] 1 CLJ 190; [1989] 1 CLJ (Rep) 467 (HC), *Mathavan Shunmugam v. Woo Bee Leng* [1995] 2 CLJ 957 (HC), *Rosita Baharom & Anor v. Sabedin Salleh* [1993] 2 CLJ 300, *Yap Nyo Nyok v. Bath Pharmacy Sdn Bhd* [1993] 3 CLJ 188, *Saw Seng Kee v. Nadzri & Ng Securities Sdn Bhd* [1997] 2 CLJ 425 (CA) dirujuk)

[24] Memandangkan keadaan itu, pembelaan defendan-defendan berkenaan hanyalah penafian semata-mata dan tidak dapat diterima mahkamah.

[25] Menyokong keterangan plaintif lagi tentang adanya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan-defendan adalah keterangan mengenai "short message service" (sms) dari telefon bimbit (telefon) defendan pertama, defendan kedua dengan plaintif. Plaintif akui yang beliau ada hantar sms dengan telefon beliau bernombor 0193333839 ke nombor telefon defendan pertama dan defendan kedua dan sebaliknya.

[26] Dipersetujui oleh kedua pihak bahawa nombor telefon 0126145718 adalah kepunyaan dan digunakan oleh defendan Pertama. Talian telefon bernombor 0123298865 adalah kepunyaan dan digunakan oleh defendan kedua. Diakui oleh plaintif bahawa nombor telefon yang beliau gunakan untuk berurus dengan defendan pertama dan defendan kedua bernombor 0193333839.

[27] SP5 telah dipanggil untuk mengesahkan yang sms telah dibuat dari nombor 0193333839 ke nombor 0126145718 dan 0123298865 dan sebaliknya.

[28] SP5 sahkan di dalam ikatan 'J' iaitu:

ID1 - sms dari telefon defendan pertama dihantar kepada telefon plaintif pada 1 Julai 2005.

ID3 - sms dari telefon defendan pertama dihantar kepada telefon plaintif pada 3 Julai 2005.

[29] SP5 sahkan juga di dalam ikatan 'I' iaitu:

ID8 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 7 Julai 2005.

ID10 - sms dari telefon plaintif dihantar kepada telefon defendan kedua pada 21 Julai 2005.

ID11 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 21 Julai 2005.

ID14 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 9 Ogos 2005.

ID16 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 9 Ogos 2005.

[30] Defendan pertama dan defendan kedua di dalam keterangan mereka menyatakan yang mereka tidak pasti samada mereka ada menghantar atau menerima sms dari plaintif.

[31] Meneliti keterangan SP5 iaitu En Jayadev KK Pillai, Security Manager Maxis, ikut keterangan beliau, beliau bekerja dengan Maxis. Beliau mempunyai kawalan ke atas rekod-rekod di Syarikat Maxis. Semua informasi SP5 perolehi dari server Maxis dan beliau mempunyai pengetahuan tentang informasi sms berkenaan. SP5 sahkan sms ada dihantar dari telefon defendan pertama kepada telefon plaintif seperti dalam ID1 dan ID3. Beliau juga sahkan sms ada dihantar dan diterima dari telefon defendan kedua kepada plaintif seperti dalam ID8, 10, 11, 14 dan 16. Keterangan SP5 menyatakan adanya sms dihantar oleh defendan pertama kepada plaintif dan adanya sms dihantar oleh defendan kedua kepada plaintif dan defendan kedua terima sms dari plaintif, saya terima. Walaupun eksibit-eksibit di atas ditandakan sebagai ID, kandungannya saya terima sebagai keterangan kerana SP5 mempunyai kawalan ke atas rekod-rekod di Syarikat Maxis dan semua informasi SP5 perolehi dari server Maxis dan beliau mempunyai pengetahuan tentangnya.

[32] Mengenai dengan kandungan sms, ikut keterangan plaintif, telefon yang mengandungi semua sms beliau simpan dan tiada editan dibuat. Keterangan tentang editan ini tidak dicabar oleh defendan-defendan. Keterangan mengenai simpanan telefon oleh plaintif ada dicabar oleh defendan-defendan tetapi keterangan plaintif tidak tercabar.

[33] Keterangan-keterangan SP3 pula, mengesahkan yang beliau operate dan mendapat akses pada telefon bimbit plaintif. Beliau melihat kandungan-kandungan sms seperti di dalam telefon plaintif dan mengesahkan kandungan sms yang beliau akseskan melalui telefon plaintif. Semua kandungan sms telah SP3 sahkan seperti di dalam P34. Kandungan-kandungan P34 tidak dicabar langsung oleh defendan-defendan. Malah SP3 langsung tidak disoal balas oleh defendan-defendan bagi kandungan P34. Isu ini merupakan isu penting bagi kes plaintif bagi membuktikan wujudnya perjanjian atau kontrak lisan antara plaintif dan defendan-defendan.

[34] Memandangkan keterangan di atas yang kandungan P34 langsung tidak disoal balas oleh defendan-defendan maka kewujudan mengenai keterangan fakta di atas diakui oleh defendan-defendan.

[35] Dalam kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> On this point we need to say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to acceptance of the witness's testimony.

[36] Semua kandungan sms dalam P34, saya terima sebagai keterangan.

[37] Dari sms berkenaan saya dapati bahawa terdapat hubungan dan perbincangan antara plaintif dengan defendan pertama dan defendan kedua mengenai bayaran upah untuk Projek Jelutong.

[38] Peguam defendan menghujahkan keterangan plaintif adalah bercanggah dengan keterangan dokumen. Hujah beliau keterangan dokumen mesti diberi pertimbangan yang lebih berbanding keterangan secara lisan. Bila menilai keterangan lisan yang tidak disokong oleh keterangan dokumen-dokumen, ujian adalah untuk menguji akan kemungkinan sesuatu perkara itu berlaku bercanggah dengan keterangan dalam kes dan keterangan dokumen. Peguam defendan merujuk pada kes *Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co* [1979] 1 LNS 119 dan kes *Yong Nyee Fan & Sons Sdn Bhd v. Kim Guan & Co Sdn Bhd* [1978] 1 LNS 244.

[39] Saya berpandangan kedua-dua kes ini perlu dibezakan dengan kes yang dibicarakan ini. Dalam kes yang dibicarakan ini saya dapati keterangan plaintif adalah konsisten dan keterangan beliau disokong oleh keterangan SP2, SP3, SP4 dan SP5 serta keterangan-keterangan dokumen yang dikemukakan.

[40] Pembelaan defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga hanyalah penafian semata-mata pada apa yang diplikan oleh plaintif di dalam plidingnya. Plaintif melalui keterangan beliau yang disokong oleh keterangan-keterangan lisan saksi-saksi plaintif dan keterangan dokumen dapat membuktikan apa yang diplikan di dalam pliding beliau.

[41] Defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga secara alternatif dalam pembelaannya menyatakan sekiranya adapun perjanjian lisan, plaintif gagal melaksanakan obligasi beliau menurut perjanjian lisan tersebut.

[42] Defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga tidak langsung kemukakan keterangan apakah obligasi plaintif menurut perjanjian lisan berkenaan dan apakah obligasi plaintif yang gagal dilaksanakan oleh plaintif. Dalam keadaan ini, mahkamah tidak dapat memberi pertimbangan ke atas pembelaan demikian.

[43] Dihujahkan juga oleh peguam defendan bahawa transkripsi sms tidak boleh diberi apa-apa pertimbangan oleh mahkamah ataupun 'ought to be given little weight', atas alasan bahawa rantaian pemilikan telefon Sony Ericsson, ID33 adalah meragukan.

[44] Keterangan SP2 bahawa plaintif menggunakan dua telefon bimbit dan pada keseluruhan masa kedua-dua telefon bimbit berada dalam milikan plaintif, cuma pada masa sebelum perbicaraan sahaja telefon berkenaan dihantar ke kedai untuk dibaiki. Sebelum itu, pada setiap masa berkenaan, telefon berada dalam posessi atau milikan plaintif. Malah semasa semua kandungan sms diperolehi oleh SP2 dan SP3, pada setiap masa telefon berkenaan berada dalam milikan plaintif. Jadi tidak ada keraguan tentang pemilikan telefon berkenaan semasa kandungan sms diperolehi oleh SP2 dan SP3.

[45] Menurut SP2, beliau yang buat transkripsi sms dalam ikatan dokumen bertanda D daripada telefon plaintif. Menurut SP2 lagi beliau tidak pernah meminda akan semua kandungan sms berkenaan. Keterangan SP2 ini langsung tidak dicabar oleh defendan-defendan.

[46] Keterangan SP3 yang beliau 'operate' telefon plaintif dan dapat akses pada semua kandungan sms seperti dalam P34 langsung tidak disoal balas tentang semua kandungan sms tersebut oleh defendan-defendan. Keterangan SP3 tidak dicabar dan tidak tercabar atas isu ini. Keterangan yang tidak tercabar ini saya terima.

[47] Saya dapati semua kandungan sms seperti dalam P34 telah dibuktikan dan tidak dicabar oleh defendan-defendan dan dibuktikan yang sms ada dihantar dari telefon defendan pertama kepada plaintif. Sms dihantar dari telefon defendan kedua kepada telefon plaintif dan sebaliknya. Maka beban adalah atas defendan-defendan untuk menyangkal akan kebenaran kandungan sms-sms berkenaan.

[48] Walau bagaimanapun defendan pertama dan defendan kedua tidak pernah pada bila-bila masa menafikan kandungan sms berkenaan. Defendan pertama dan defendan kedua di dalam keterangan mereka cuma menyatakan yang mereka tidak ingat atau tidak dapat sahkan semua kandungan sms berkenaan. Ini adalah satu penafian terhadap beban pembuktian yang telahpun beralih pada defendan-defendan. Keterangan ini tidak cukup untuk menyangkal beban pembuktian yang beralih pada defendan-defendan itu.

[49] Keterangan SD3 tidak memberi kesan dalam prosiding ini, memandangkan SD3 belum lagi bersama defendan ketiga pada masa perjanjian lisan antara plaintif dengan defendan-defendan dibuat. Keterangan SD3 yang Projek Jelutong adalah dijamin dalam usaha defendan ketiga hanyalah berdasarkan pada rekod-rekod yang beliau ada akses sahaja. Walau bagaimanapun dari keseluruhan keterangan, adalah jelas plaintif telah melobi untuk Projek Jelutong berkenaan sehingga projek tersebut diawardkan kepada defendan ketiga.

[50] Peguam defendan-defendan menghujahkan bahawa peruntukan s. 90A Akta Keterangan 1950 terpakai untuk penerimaan keterangan mengenai kandungan sms dari telefon dalam kes ini. Beliau menghujahkan bagi tujuan kes ini kandungan sms tidak boleh digunakan sebagai keterangan sokongan untuk kes plaintif kerana kandungan sms itu sendiri tidak boleh diterima sebagai keterangan mengikut peruntukan s. 90A Akta Keterangan 1950.

[51] Didalam kes ini telefon yang menjadi isu digunakan oleh plaintif, defendan pertama dan defendan kedua adalah telefon bimbit. Persoalannya samada telefon bimbit termasuk dalam definasi komputer mengikut Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan s. 90A Akta Keterangan terpakai.

[52] Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan:

> 3. Interpretation.
>
> In this Act, unless the context otherwise requires:
>
> "computer" means any device for recording, storing, processing, retrieving or producing any information or other matter, or for performing any one or more of those functions, by whatever name or description such device is called; and where two or more computers carry out any one

or more of those functions in combination or in succession or otherwise howsoever conjointly, they shall be treated as a single computer;

[53] Saya dapati dari keterangan yang dikemukakan, telefon-telefon bimbit di mana kandungan sms diperolehi seperti di dalam ikatan dokumen bertanda D dan kandungan sms dalam P34 didalam kes ini termasuk didalam definasi computer diatas dan s. 90A adalah terpakai.

[54] Mengikut s. 90A(2) Akta Keterangan 1950, dokumen-dokumen yang dicetak oleh komputer boleh diterima sebagai keterangan untuk membuktikan butir-butir yang terkandung di dalamnya walaupun orang yang membuat dokumen tersebut tidak dipanggil sebagai saksi.

[55] Seksyen 90A, Akta Keterangan 1950 menyatakan:

90A. Admissibility of documents produced by computers, and of statements contained therein.

(1) In any criminal or civil proceeding a document produced by a computer, or a statement contained is such document, shall be admissible as evidence of any fact stated therein if the document was produced by the computer in the course of its ordinary use, whether or not the person tendering the same is the maker of such document or statement.

(2) For the purpose of this section it may be proved that a document was produced by a computer in the course of its ordinary use by tendering to the court a certificate signed by a person who either before or after the production of the document by the computer is responsible for the management of the operation of the computer, or for the conduct of the activities for which that computer was used.

[56] Di dalam kes *Standard Chartered Bank v. Mukah Singh* [1996] 1 LNS 59, mahkamah telah menyentuh tentang Sijil Pengesahan di bawah s. 90A(2) Akta Keterangan 1950 dan telah memutuskan:

It is only in the case where it is disputed, during the time the evidence was adduced, as to whether the documents were produced by a computer in the course of its ordianry use-which is not here-would such a certificate then become necessary.

[57] Di dalam kes sekarang ini, orang yang memasukkan data atau kandungan sms ke dalam telefon plaintif ialah plaintif sendiri. Beliau mempunyai pengetahuan sendiri mengenai semua kandungan sms dan transaksi-transaksi sms berkenaan. Plaintif cuma meminta SP2 untuk mencetak kandungan sms berkenaan seperti dalam ikatan dokumen D. SP3 pula atas permintaan plaintif telah 'operate' kan telefon plaintif yang ada semua kandungan sms seperti didalam P34. SP5 telah dipanggil untuk mengesahkan yang:

ID1 - sms dari telefon defendan pertama dihantar kepada telefon plaintif pada 1 Julai 2005.

ID3 - sms dari telefon defendan pertama dihantar kepada telefon plaintif pada 3 Julai 2005.

ID8 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 7 Julai 2005.

ID10 - sms dari telefon plaintif dihantar kepada telefon defendan kedua pada 21 Julai 2005.

ID11 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 21 Julai 2005.

ID14 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 9 Ogos 2005.

ID16 - sms dari telefon defendan kedua dihantar kepada telefon plaintif pada 9 Ogos 2005. Semua informasi di atas SP5 perolehi sendiri dari server yang ia ada kawalan di tempat beliau bertugas dan beliau mempunyai pengetahuan. Dalam keadaan di atas Sijil Pengesahan di bawah s. 90A(2) Akta Keterangan 1950 tidak diperlukan. Semua mereka (iaitu SP1, SP2, SP3 dan SP5) yang ada akses pada telefon dan semua sms telah dipanggil untuk memberi keterangan. Mereka memberi keterangan secara langsung mengenai semua kandungan sms berkenaan. Dalam keadaan ini dengan alasan-alasan di atas, peruntukan s. 90A(1) adalah terpakai dan telah dipatuhi.

[58] Beban bukti adalah terletak pada plaintif untuk membuktikan kesnya. Prinsip undang-undang adalah jelas. Beban untuk membuktikan adalah terletak kepada pihak yang mahukan Mahkamah memberikan penghakiman bagi pihaknya. Rujuk s. 101

Akta Keterangan 1950. Juga kes *Jupiter Securities Sdn Bhd lwn. Amal @ Nur amal Abdul Manaf* [2001] 1 LNS 294 (tidak dilaporkan) yang telah bersetuju dengan keputusan kes *MGI Securities Sdn Bhd v. Teong Teck Leng & Ors* [2000] 5 CLJ 163 di atas isu yang sama.

[59] Daripada keterangan-keterangan plaintif, saya dapati terdapat keterangan yang credible untuk menyokong keterangan plaintif. Keterangan-keterangan beliau disokong oleh keterangan-keterangan yang credible dari SP2, SP3, SP4 dan SP5.

[60] Di dalam kes ini, saya cenderung untuk menerima versi kes plaintif berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan.

[61] Di dalam kes ini, saya dapati terdapatnya perjanjian lisan antara plaintif dan defendan pertama dan defendan kedua untuk memperolehi Projek Jelutong untuk defendan ketiga dengan syarat bayaran upah seperti perjanjian antara plaintif dan PNSB yang bertarikh 9 November 2001.

[62] Perjanjian tersebut dibuat bagi pihak defendan ketiga. Terma-terma perjanjian untuk bayaran upah plaintif adalah seperti perjanjian bertarikh 9 November 2001.

[63] Melalui surat bertarikh 23 September 2004, defendan ketiga telah berjaya memperolehi Projek Jelutong dari Kerajaan Malaysia dengan kontrak berjumlah RM468,260,693. Surat ini diterima oleh defendan-defendan pada 27 September 2004. Sejak dari penerimaan surat award ini defendan-defendan gagal untuk membuat bayaran upah pada plaintif seperti yang dipersetujui sebelumnya. Defendan-defendan telah melanggar perjanjian tersebut kerana gagal membayar upah pada plaintif. Atas kegagalan itu saya putuskan bahawa defendan-defendan telah pecah kontrak beliau dengan plaintif pada 27 September 2004. Defendan pertama dan defendan kedua serta defendan ketiga secara bersama dan berasingan bertanggungjawab untuk gantirugi pecah kontrak terhadap plaintif.

[64] Defendan-defendan telah melanggar perjanjian lisan berkenaan maka plaintif berhak kepada gantirugi daripada defendan-defendan yang berbentuk bayaran upah sebanyak RM23,413,034.65.

A **[65]** Berdasarkan penelitian saya pada keseluruhan keterangan di dalam kes ini, saya berpuashati yang plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan-defendan. Oleh itu, saya membenarkan tuntutan plaintif untuk perenggan 14:

B

- prayer (a) sebanyak RM23,413,034.64 sebagai upah sepenuhnya yang dihutang oleh defendan-defendan kepada plaintif.

C

- prayer (b) dan (c) dalam penyata tuntutan terpinda semula plaintif.

D

E

F

G

H

I